Pendahuluan

02 **Prakata Menteri Kewangan**

03 **Perutusan Gabenor**

04 **Ringkasan eksekutif**



Prakata Menteri Kewangan

Malaysia kini berada pada titik perubahan. Tatkala kita beransur-ansur keluar dan pulih daripada pandemik COVID-19, sukar untuk kita menoleh ke belakang tanpa mempedulikan kesan yang ditinggalkan oleh pandemik terhadap nyawa dan mata pencarian kebanyakan penduduk. Namun, penting untuk kita terus maju ke hadapan dan tidak hilang fokus terhadap hala tuju kita ke arah menjadi sebuah negara yang mempunyai nilai tambah dan berpendapatan tinggi.

Pandemik telah mempercepat revolusi digital yang membawa perubahan yang besar pada cara kita bekerja, bermain dan berinteraksi antara satu sama lain. Sementara itu, natijah daripada perubahan iklim, kehilangan biodiversiti dan perubahan demografi semakin nyata dan mendesak, serta bukan lagi menjadi teori semata-mata. Meskipun peralihan ini menimbulkan risiko baharu, terutamanya kepada golongan yang paling mudah terjejas dalam masyarakat kita, namun keadaan ini membuka peluang kepada kita untuk membina semula tanah air dengan lebih baik dan mengubah trajektori pembangunan negara.

Dalam hal ini, pelancaran Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 memang tepat pada masanya. Dalam merealisasikan aspirasi negara, sektor kewangan sentiasa memainkan peranan penting, sama ada menyokong keluarga mengembangkan dan melindungi kekayaan mereka, atau membantu perniagaan meneroka sempadan baharu. Dalam tempoh lima tahun akan datang, strategi-strategi yang dinyatakan dalam Pelan ini akan menjadi amat penting bagi sektor kewangan mengharungi cabaran yang mendatang dan merebut peluang baharu. Bagi tujuan itu, saya menyeru sektor kewangan untuk terus menjadi pemangkin kepada pembaharuan, memacu kemampanan dan menyumbang kepada aspirasi bersama ke arah “Malaysia Makmur, Inklusif dan Mampan”.

Dengan ini, izinkan saya merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam perumusan Pelan Sektor Kewangan 2022-2026, khususnya Bank Negara Malaysia.



YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz
24 Januari 2022



Perutusan Gabenor

Pertumbuhan dan perubahan sektor kewangan sejak sekian lama telah membantu menambahbaik taraf kehidupan dan mata pencarian kebanyakan penduduk di Malaysia. Walaupun sektor kewangan telah mengorak langkah jauh ke hadapan, Bank tidak berhenti memikirkan peranan sektor kewangan yang boleh ditingkatkan lagi bagi memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada ekonomi. Khususnya, peranan sektor kewangan dalam membantu menyokong peralihan pembangunan negara ke tahap yang seterusnya.

Dalam dunia kewangan, penggunaan teknologi baharu, peralihan ketara kepada saluran digital dan kemunculan model-model perniagaan baharu telah membuka peluang yang luas untuk penyediaan perkhidmatan kewangan yang lebih baik. Pada masa yang sama, perkembangan ini turut menimbulkan persoalan asas tentang perkhidmatan kewangan itu sendiri dan kaedah pengawalseliaan yang wajar. Demikian juga, perubahan struktur demografi di Malaysia memerlukan idea baharu bagi memudahkan urusan tabungan, pelaburan dan penyediaan jaringan keselamatan sosial yang berkesan untuk penduduk yang kian berumur, meskipun jurang sosioekonomi terus wujud. Kesan terhadap ekonomi akibat perubahan iklim juga mula ketara. Pada masa yang sama, kita dapat lihat terdapat peningkatan dalam tahap kesedaran tentang risiko perubahan iklim kepada sektor kewangan, serta peranan yang boleh dimainkan oleh sektor kewangan dalam peralihan ke arah ekonomi yang lebih lestari dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim.

Seterusnya, haluan masa hadapan bagi sektor kewangan turut dibentuk oleh pandemik ini. Kita harus sedar bahawa kekukuhan dan masa hadapan sektor kewangan berkait rapat dengan ekonomi yang lebih luas, serta persekitaran semula jadi. Semasa pandemik melanda, sektor kewangan memainkan peranan penting dalam menyokong jutaan rakyat Malaysia dan perniagaan ketika sekatan pergerakan dilaksanakan, selain membantu menghidupkan kembali ekonomi apabila ia dibuka semula. Hal ini dapat direalisasikan kerana wujudnya sistem kewangan yang berdaya tahan dan disokong oleh pengurusan berhemat serta pembentukan penampan oleh institusi kewangan sejak bertahun-tahun lamanya.

Tatkala negara mengharungi masa hadapan yang sangat tidak menentu, saya berharap sektor kewangan akan terus menyumbang kepada ekonomi Malaysia dalam kedudukan yang kukuh. Pelan ini menggariskan visi Bank untuk fasa selanjutnya dalam perjalanan ini, di samping strategi-strategi sektor kewangan bagi mencapai hasil yang dihasratkan dari tahun 2022 hingga 2026. Melangkaui sokongan terhadap pemulihan ekonomi, sektor kewangan akan memainkan peranan penting dalam membantu Malaysia memanfaatkan sepenuhnya detik yang unik dalam sejarah ini bagi merealisasikan landasan pembangunan yang lebih dinamik, inklusif dan mampan.

Sesungguhnya, menghasilkan Pelan Sektor Kewangan ini bukanlah tugas yang mudah. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah berusaha dengan gigih menyelesaikan permasalahan besar yang dinyatakan dalam Pelan ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada mereka dari luar Bank Negara Malaysia atas cadangan dan pandangan mereka yang sangat penting ketika membuat pemakluman tentang strategi Bank.

Nor Shamsiah Yunus
24 Januari 2022

Ringkasan eksekutif

Gambaran keseluruhan Pelan Sektor Kewangan

Trend mega utama yang membentuk landskap masa hadapan



Keadaan ekonomi
Pemulihan ekonomi global yang tidak sekata, di samping ketidakpastian yang lain (contohnya haluan virus, peralihan rantaian bekalan global)



Teknologi
Potensi perkhidmatan kewangan yang lebih baik namun disertai dengan cabaran baharu dalam pengawalseliaan berikutan kitaran inovasi yang lebih pendek, set kemahiran baru yang diperlukan, dan sempadan yang semakin kabur



Demografi
Risiko ketiadaan perkhidmatan kewangan dalam kalangan penduduk yang semakin berusia dan jurang lain yang berlarutan (contohnya ketaksamaan sosioekonomi, celik kewangan)



Iklim dan alam sekitar
Perlunya peralihan yang teratur dan saksama ke arah ekonomi dan sektor kewangan yang lebih lestari dan lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim

Hasil yang dihasratkan dan sasaran untuk tahun 2026

Tiga tema umum



Kewangan untuk semua
- Pilihan yang pelbagai untuk pelanggan, termasuk penyelesaian 'digital didahulukan' (*digital first*)
- Jaringan keselamatan kewangan yang diperkukuh
- Pelanggan kewangan yang yakin dan berkebolehan



Kewangan untuk transformasi
- Pertumbuhan dalam kewangan alternatif
- Integrasi global yang lebih mendalam, dengan kepimpinan yang berterusan sebagai gerbang untuk kewangan Islam pada peringkat antarabangsa
- Landskap kewangan yang dinamik dan memberangsangkan



Kewangan untuk kelestarian
- Penggunaan pengantaraan berasaskan nilai (VBI) untuk memberikan manfaat ekonomi, komuniti dan alam sekitar
- Kemajuan yang stabil dalam penghijauan kewangan dan pembiayaan hijau

Sasaran utama dan peristiwa penting[1]

- Merapatkan jurang antara **skor celik kewangan OECD/INFE**[2] di Malaysia dengan purata OECD
- Meningkatkan **e-pembayaran per kapita** pada kadar CAGR[3] melebihi 15%
- Kadar **penembusan insurans/takaful** 4.8-5.0% (sebagai % daripada KDNK[4])
- Bilangan individu yang melanggan **insurans/takaful mikro** bertambah sekali ganda
- Enakmen **undang-undang kredit pengguna dan badan pengawasan**
- **Rejim pelesenan** tunggal untuk penasihat kewangan dan perancang kewangan
- Pertumbuhan yang stabil dalam **kewangan alternatif** yang disalurkan kepada perusahaan baharu dan inovatif
- **Pembayaran rentas sempadan** yang lebih cepat, murah dan mudah diakses
- Lebih 50% daripada pembiayaan baharu adalah untuk **aktiviti-aktiviti hijau dan peralihan**
- Pertumbuhan yang stabil dalam **aset yang sejajar dengan VBI**

[1] Bidang terpilih, tidak mewakili Pelan Sektor Kewangan secara keseluruhan
[2] OECD International Network on Financial Education
[3] Kadar pertumbuhan tahunan terkompaun
[4] keluaran dalam negeri kasar

Tumpuan pengawalseliaan Bank untuk pembangunan kewangan

Memupuk kedinamikan pasaran sambil menyokong objektif pembangunan mampan...

- Menangani halangan yang tidak wajar terhadap penyertaan pasaran, selain memastikan proses keluar daripada pasaran dilakukan dengan teratur
- Menggalakkan persaingan secara kerjasama (*co-opetition*) bagi pendorong ekosistem yang sangat penting
- Memperkukuh keadaan disiplin pasaran yang memberikan tumpuan pada peningkatan pemerkasaan pengguna
- Memanfaatkan pengantaraan berasaskan nilai untuk melaksanakan rangkuman kewangan, daya tahan iklim dan kemampanan alam sekitar yang lebih meluas

... berteraskan mandat kewangan dan kestabilan

- Keberkesanan dasar monetari yang berterusan dalam landskap yang berubah-ubah
- Melindungi daya tahan seluruh sistem dan integriti kewangan

Lima teras strategik untuk 2022-2026



Membiayai transformasi ekonomi Malaysia

a. Mengekalkan pemulihan ekonomi yang kukuh
cth. ekosistem jaminan kredit yang menyokong, penggunaan data berpandangan ke hadapan dan data alternatif yang lebih tinggi, peranan timbal balas IKP[5] yang lebih kukuh

b. Memudahkan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi
cth. rangka kerja pengawalseliaan dan percukaian yang menyokong kewangan alternatif, kerjasama pengawalseliaan yang lebih kukuh bagi membangunkan dan mengawasi risiko daripada ekosistem kewangan bukan hutang

c. Memastikan peranan pengantaraan kewangan berdaya tahan selepas pandemik
cth. peningkatan transaksi bercagar dan pasaran derivatif yang maju untuk pasaran kewangan tempatan yang lebih memberangsangkan, penggunaan insurans dan takaful yang lebih meluas bagi menyokong pembiayaan kepada syarikat, terutamanya untuk industri berisiko tinggi

[5] Institusi kewangan pembangunan



Meningkatkan kesejahteraan kewangan isi rumah dan perniagaan

a. Mempertingkat keupayaan dan akses kewangan, serta penggunaan perkhidmatan kewangan yang berkesan ke arah rangkuman kewangan yang lebih meluas
cth. inisiatif pendidikan kewangan dan pemantauan impak melalui FEN[6], peranan bank ejen dan Bank Bergerak yang diperkukuh, penggunaan penzahiran KPI[7] rangkuman kewangan yang lebih meluas

b. Memperkukuh perlindungan untuk isi rumah dan perniagaan bagi membina daya tahan kewangan
cth. perkongsian awam-swasta untuk perlindungan risiko terhadap bencana berskala besar yang berisiko tinggi, pembangunan insurans mikro dan takaful mikro, liberalisasi tarif motor dan kebakaran selanjutnya, perlindungan MHIT[8] yang mampan

c. Membentuk sistem kewangan yang memastikan urus niaga yang adil dan bertanggungjawab dengan pengguna kewangan
cth. peningkatan profesionalisme dan rangka kerja insentif pengantaraan, panduan pengenalpastian risiko amalan dan penggunaan teknologi yang beretika, pembaharuan perlindungan pengguna (contohnya CCA dan CCOB[9], rangka kerja pelesenan tunggal untuk penasihat kewangan dan perancang kewangan)

[6] Jaringan Pendidikan Kewangan
[7] Penunjuk prestasi utama (*key performance indicators*)
[8] Insurans dan takaful perubatan dan kesihatan (*medical health insurance and takaful*)
[9] Akta Kredit Pengguna dan Lembaga Pengawasan Kredit Pengguna



Memajukan pendigitalan dalam sektor kewangan

a. Memperteguh infrastruktur digital utama untuk masa hadapan
cth. pembuktian konsep CBDC[10], akses bukan bank kepada RENTAS[11], kes penggunaan data terbuka berimpak tinggi, perkongsian infrastruktur untuk tuntutan kenderaan berdigital penuh

b. Menyokong landskap perkhidmatan kewangan digital yang lebih memberangsangkan
cth. laluan yang dipermudah bagi Sandbox Pengawalseliaan, pelesenan penanggung insurans/pengendali takaful digital, pembayaran digital, panduan pengawalseliaan yang dipertingkatkan bagi pendorong digital yang penting seperti penggunaan awan dan AI/ML[12]

c. Memperkukuh kesediaan dan tindak balas keselamatan siber
cth. tumpuan dipergiat untuk penyedia perkhidmatan pihak ketiga, perkongsian kecerdasan keselamatan siber yang boleh dilaksanakan melalui peta penularan siber, piawaian istilah untuk keselamatan siber dan daya tahan siber, latihan dan pensijilan keselamatan siber

d. Menyokong penggunaan teknologi yang lebih meluas bagi tujuan pengawalan dan penyeliaan
cth. penggunaan teknologi yang lebih meluas untuk pengawalan dan penyeliaan, pembaharuan infrastruktur dan kaedah pengumpulan data Bank

[10] Mata Wang Digital Bank Pusat
[11] Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata
[12] Kecerdasan Buatan / Pembelajaran Mesin



Meletakkan sistem kewangan pada kedudukan yang menyokong peralihan secara teratur kepada ekonomi lebih lestari

a. Mengintegrasikan risiko berkaitan iklim dan alam sekitar dalam pengawalan dan penyeliaan berhemat
cth. pelaksanaan taksonomi yang berkesan, penjajaran yang lebih giat dengan VBIAF[13] dan panduan mengikut sektornya, jangkaan penyeliaan yang diperkukuh dan rangka kerja pengurusan risiko iklim dan alam sekitar yang berhemat, penzahiran mandatori risiko iklim

b. Menyokong peralihan teratur kepada ekonomi rendah karbon
cth. tumpuan dipergiat untuk merapatkan jurang data, pendanaan khusus yang diperluas dan mekanisme pengurangan risiko, sinergi antara dasar negara dengan inisiatif sektor kewangan, inisiatif bina upaya yang dipercepat pada platform global

c. Menyepadukan risiko iklim dalam fungsi dan operasi dalaman Bank
cth. ujian tekanan risiko iklim bagi industri kewangan, pertimbangan risiko iklim dan alam sekitar dalam aktiviti pengurusan portfolio, pelaksanaan operasi-operasi fizikal Bank yang lebih lestari

[13] Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework)



Membangunkan kewangan berasaskan nilai melalui kepimpinan dalam kewangan Islam

a. Memperteguh tawaran nilai Malaysia sebagai gerbang antarabangsa untuk kewangan Islam
cth. memperkukuh keupayaan gerbang yang sangat perlu (gateway-critical capabilities) (terutamanya mengenai keupayaan pengagihan, inovasi, daya saing), memperdalam pasaran kewangan dan modal Islam, mekanisme untuk kepimpinan industri yang lebih meluas

b. Memperkukuh pendorong dasar kewangan berasaskan nilai bagi mencapai impak yang lebih besar
cth. penjajaran penggunaan kontrak Syariah dengan kebijaksanaan (hikmah), penggunaan ta`awun (saling membantu) yang lebih meluas dalam takaful, peningkatan penzahiran berasaskan impak

c. Mengetengahkan kewangan sosial
cth. model kewangan campuran dan eskalator pendanaan, usaha pelbagai pihak berkepentingan untuk menggalakkan perkongsian infrastruktur